

CNS7510

U GB 02-07 00162 BA643

bah

Mahathir - Malbatt

ANGGOTA MALBATT BANGGA DENGAN LAWATAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- "Tahniah dan terima kasih kerana menjalankan tugas demi negara.

"Apa yang saudara-saudara lakukan di sini mengharumkan nama bangsa, agama dan negara. Insyaallah kita akan berusaha sedaya upaya supaya kehadiran saudara-saudara di sini tidak menjadi sia-sia."

Demikian catatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam buku lawatan Malbatt apabila beliau dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah menqunjungi tentera Malaysia di Bosnia Herzegovina semalam.

Datuk Seri Dr Siti Hasmah turut menurunkan kata-kata perangsang berikut: "Kepada Wira-Wira Negara di Bosnia Herzegovina. Selamat Bertugas dan Selamat Kembali ke Tanahair nanti. Keselamatan dan Kesejahteraan Mu Sentiasa Dalam Doa Ku."

Dalam lawatan buat pertama kali beliau ke markas Malbatt di Konjic, kira-kira 50km ke barat daya Sarajevo, selama empat jam, Dr Mahathir turut bersembahyang Jumaat dan makan tengah hari bersama-sama anggota Malbatt sebelum meninjau sekitar markas itu. -- laqi

▼02/07/15-40MST

CNS7513

U GB 02-07 00116 BA644

bah

Mahathir - Malbatt 2 Kuala Lumpur

Lawatan Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah, yang sedang bercuti di Eropah, menyemarakkan semangat 1,487 pegawai dan tentera Malaysia yang kerkhidmat di situ dalam misi penqaman Pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Komander Malbatt Kol Md Hashim Hussein gembira dan bangga dengan kehadiran Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Dalam kenyataannya hari ini, Kementerian Pertahanan memetik Kol Md Hashim sebaqai berkata lawatan Perdana Menteri telah meningkatkan laqi moral dan keazaman semua anggota Malbatt.

Katanya, lawatan itu akan memberi nafas baru kepada inisiatif kedamaian di kawasan itu.

Beberapa anggota Malbatt turut melahirkan perasaan mereka tentang kunjungan Perdana Menteri itu. -- laqi

▼02/07/15-46MST

CNS7519

U GB 02-07 00145 BA647

bah

Mahathir - Malbatt 3 Kuala Lumpur

Mej Kamsani Mohd Salleh berkata dalam ucapannya kepada mereka, Perdana Menteri mempamerkan kesungguhan dan pandangan kerajaan yang penuh iltizam membantu mencari kedamaian abadi dan membanqukan semula Bosnia Herzegovina.

"Keqiqihan beliau memperjuangkan keadilan sejaqat memberi semangat dan panduan syahdu kepada kami untuk melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya," tambah beliau.

Baqi Pegawai Waran I Che Yusof, inilah pertama kali beliau dapat menqhampiri Dr Mahathir.

"Saya bangga kerana selama ini beliau hanya saya tonton dalam televisyen dan melihat dalam akhbar. Saya bersyukur kerana pemimpin yang saya sayangi sanggup membuat kunjungan terhadap kontinjen Malbatt meskipun beliau sedang bercuti," katanya.

Lans Koperal Zefri Mohd Zain berpendapat Dr Mahathir telah menunjukkan keprihatinannya terhadap penderitaan rakyat Bosnia Herzegovina dan juga melihatkan betapa beliau mengambil berat ke atas anqqota tentera Malaysia yang bertugas di situ. -- laqi

♥02/07/15-54MST

CNS7523

U GB 02-07 00185 BA648

bah

Mahathir - Malbatt 4 (akhir) Kuala Lumpur

Katanya, Dr Mahathir dan isteri sanggup menanqqunq risiko yang tingqi dengan bersama-sama anqqota Malbatt.

Dua anqqota Malbatt yang lain, Mej Zainuddin Ismail dan Lans Koperal Sabaital Abd Malik menyifatkan kunjungan Dr Mahathir sebagai amat bermakna kepada mereka.

"Ucapannya begitu memberangsangkan," kata mereka.

Dr Mahathir dan rombongan juga diberi penerangan mengenai kemampuan pusat perubatan Malbatt oleh Lt Kol (Dr) Liew Ngoh Chin yang merupakan pakar bedah di pusat itu.

Mereka bangga dengan keupayaan dan tugas yang telah dilaksanakan oleh pusat perubatan Malbatt yang bukan sahaja memberi rawatan kepada anqqota-anqqota tentera tetapi juga kepada penduduk awam di kawasan sekitar bahaqian tengah Bosnia-Herzegovina.

Hampir 4,000 pesakit awam telah mendapat rawatan dari pusat perubatan Malbatt.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah juga diperkenalkan kepada empat anqqota tentera dan empat pesakit awam termasuk seorang pesakit kanak-kanak di pusat itu.

Pusat perubatan Malbatt itu juga membantu usaha memindah pesakit awam manqsa peperangan, menentukan bekalan air bersih di Konjic, dan membantu hospital-hospital berhampiran dalam pembedahan kecemasan. -- Bernama

TCL SJA